



satu salinan di bilih Pejabat

"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami: KP(BPG)9203/5/1/4/JLD.6(49)
 Tarikh : 07 NOVEMBER 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,



TAWARAN MENGIKUTI KURSUS SIJIL ANTARABANGSA PENDIDIKAN JASMANI DAN KEJURULATIHAN SUKAN (SAPJKS) AMBILAN 2013

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa kursus Diploma Antarabangsa Pendidikan Jasmani dan Kejurulatihan Sukan (DAPJKS) tahun 2013 sedang berlangsung bermula pada 21 Oktober 2013 dan berakhir pada 18 Disember 2013. Namun sehingga 1 November 2013, masih terdapat pusat latihan yang belum memenuhi unjuran peserta kursus yang ditetapkan bagi setiap negeri.
3. Sehubungan itu, pihak BPG telah mengambil keputusan untuk menawarkan kursus SAPJKS kepada guru-guru yang layak ditawarkan di pusat latihan yang menjalankan DAPJKS mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memastikan guru-guru yang dikenal pasti layak untuk ditawarkan kursus SAPJKS 2013 dibenarkan hadir mengikuti kursus ini. Tempoh tawaran bagi kursus SAPJKS bermula pada 11 November 2013 dan pendaftaran akan dibuka sehingga pusat latihan yang menawarkan kursus ini memenuhi unjuran yang ditetapkan.
4. Bersama-sama ini disertakan lampiran surat tawaran untuk pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan menawarkan kepada guru-guru yang layak memohon mengikut unjuran yang ditetapkan. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk merekodkan surat tawaran yang dikeluarkan kepada peserta kursus. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan surat ini, sila hubungi **Encik Mohd Sukri Bin Zainol** di talian 03-88841053 / 017-5937167 atau menerusi email: sukri.zainol@moe.gov.my.

5. Di atas segala kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berikan di dalam hal ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI MOHD GHAZALI BIN AB. RAHMAN)
Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia
MGAR/mstbz/2013

s.k. 1. *Timbalan Pengarah (Pembangunan Profesionalisme)*
2. *Timbalan Pengarah (Dasar Dan Standard Keguruan)*
Bahagian Pendidikan Guru, KPM